

**UCAPAN TAHNIAH DAN IKRAR TAAT-SETIA DI MAJLIS MENGADAP DAN
ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN SEMPENA ULANGTAHUN
HARI KEPUTERAAN RASMI DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**
ISTANA NEGARA, KUALA LUMPUR, 7 JUN 1989

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Sultan
Azlan Shah,
Ampun Tuanku,

Dengan hormat dan penuh takzimnya, patek bagi pihak Kerajaan dan seluruh rakyat serta diri patek sendiri, mohon menyembah setinggi-tinggi tahniah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku di atas pemilihan Tuanku sebagai Yang Di- Pertuan Agong yang ke-sembilan dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Bainun sebagai Raja Permaisuri Agong.

2. Seterusnya patek bagi pihak Kerajaan dan seluruh rakyat juga mohon menyembah setinggi tahniah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sempena Ulangtahun Hari Keputeraan Rasmi Tuanku hari ini. Patek sekalian berdoa ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala semoga Ke Bawah Duli Tuanku serta Duli Yang Maha Mulia Tuanku Bainun dilanjutkan usia serta dilimpahkan rahmat dan hidayahNya, mudah-mudahan Duli Tuanku berdua sentiasa berada dalam kandungan sihat dengan penuh kesejahteraan dan kedaulatan.

Ampun Tuanku,

3. Syukur Alhamdulillah, dengan izin dan limpah kurnia Allah Subhanahu wa Ta'ala, negara kita Malaysia terus berada dalam keadaan aman dan damai. Keadaan ini dapat diwujudkan kerana kita telah memilih cara mentadbir negara yang sesuai. Malaysia mengamalkan sistem Kerajaan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Sistem ini membolehkan Kerajaan dan rakyat yang berbilang kaum di negara ini hidup dengan penuh perpaduan dan persefahaman. Berpandukan kepada Perlembagaan dan Rukunegara pemimpin dan rakyat bertanggungjawab untuk menanamkan perasaan saling hormat-menghormati di antara satu sama lain. Di samping memegang kepada nilai-nilai ini rakyat telah membuktikan kesediaan untuk berkorban demi kepentingan negara. Rakyat Malaysia yang berbilang kaum merupakan suatu masyarakat yang unik dikacamata dunia kerana dapat hidup dengan penuh keharmonian walaupun masing-masing mempunyai agama, adat- resam dan budaya hidup yang berlainan.

4. Kerajaan akan terus mengekalkan sistem ini dan menentang apa-apa percubaan untuk merosakkannya. Sungguhpun masih ada kumpulan-kumpulan dari luar dan dalam negeri yang kononnya memperjuangkan hak asasi kemanusiaan yang cuba campurtangan dalam urusan pentadbiran negara, Kerajaan akan tetap teguh dengan pendirian untuk mengekalkan apa yang kita perjuangkan. Ada segelintir rakyat yang cuba menggunakan institusi-institusi Raja, mahkamah dan sistem kehakiman serta sistem pilihanraya untuk mencapai cita-cita dan memenuhi kepentingan diri sendiri. Tetapi patek percaya

Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja memang tidak berkenan dengan tindak-tanduk ini dan tidak mudah diperalatkan. Kerajaan mementingkan rakyat yang memerlukan kemajuan dan bukan mereka yang mementingkan diri sendiri. Patek percaya dengan kebijaksanaan Ke bawah Duli Tuanku memerintah negara dan dengan Tuanku sebagai simbol kedaulatan dan perpaduan, rakyat akan terus menikmati hidup dengan penuh kebahagiaan dan kesejahteraan, insya-Allah.

Ampun Tuanku,

5. Negara kita mengamalkan Kerajaan berparti dengan Barisan Nasional menerajui Kerajaan. Kegelisahan politik telah wujud untuk sementara apabila UMNO diharamkan. Tetapi syukur alhamdulillah UMNO telah diwujudkan semula dan kegelisahan itu telah mulai hilang. Kekuatan UMNO menambahkan kekuatan Barisan Nasional. Kekuatan Barisan Nasional pula meneguhkan pentadbiran sistem Kerajaan. Sebagai Pengerusi Barisan Nasional, patek akan berusaha supaya perpaduan antara parti-parti komponen akan terus kekal untuk menjamin Barisan Nasional sentiasa dapat memperjuangkan pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan untuk rakyat.

Ampun Tuanku,

6. Kerajaan sedang menyemak semula kecapaian Dasar Ekonomi Baru dan dasar ekonomi negara yang perlu diamalkan selepas selepas 1990. Kerajaan telah membuka peluang kepada para kepada para cendekiawan, pemimpin-pemimpin politik dan pertubuhan, para professional dan mereka yang sentiasa mengkritik DEB untuk tampil mengemukakan cadangan melalui Majlis Perundingan Ekonomi Negara. Kerajaan akan menimbang-cadangan-cadangan yang dimajukan oleh Majlis ini dalam menggubal dasar ekonomi selepas tahun 1990.

7. Mengenai ekonomi negara dewasa ini, Kerajaan bersyukur kerana ekonomi negara terus bertambah pulih dan teguh pada awal tahun ini selepas mencatatkan pertumbuhan yang sungguh menggalakkan semenjak dua tahun yang lalu. Pertumbuhan yang menggalakkan ini digambarkan melalui kadar pertumbuhan KDNK atau GDP tahun 1988 yang lalu yang mengatasi pencapaian pada tahun-tahun yang lepas semenjak 1979. Pertumbuhan ekonomi yang kukuh ini digambarkan juga melalui imbalan bayaran negara yang sangat memuaskan. Pelaburan swasta yang penting bagi pembangunan ekonomi negara telah meningkat semenjak dua tahun lalu dan kita yakin pelaburan swasta akan terus meningkat dengan adanya insentif-insentif yang sangat menarik. Kerajaan juga yakin bahawa pertumbuhan yang kita capai semenjak dua tahun yang lalu akan berterusan pada tahun ini dan tahun-tahun yang akan datang, insya-Allah.

8. Keyakinan Kerajaan juga adalah berasaskan kepada kejayaan program-program yang disusun bagi menjadikan struktur ekonomi negara lebih berupaya menghadapi cabaran-cabaran di pasaran antarabangsa pada masa hadapan. Salah satu perubahan struktur ekonomi yang dirancang oleh Kerajaan ialah

menjadikan ekonomi negara kita kurang bersandar kepada eksport barangan utama atau komoditi, sebaliknya menggalakkan pembangunan industri pembuatan yang hasilnya boleh dieksport. Untuk ini kita mestilah sanggup membelakangkan sedikit kepentingan diri supaya barangan buatan kita boleh bersaing dengan jayanya di pasaran dunia. Insya-Allah akhirnya kita akan mendapat nikmat yang lebih banyak dan lebih kekal.

Ampun Tuanku,

9. Malaysia, walaupun sebuah negara kecil di peta dunia, telah diiktiraf sebagai sebuah negara yang dapat memberi sumbangan yang bermakna kepada kebajikan antarabangsa. Usaha-usaha kita membanteras penyalahgunaan dadah telah mendapat pengiktirafan apabila Malaysia telah dipilih sebagai Pengerusi Persidangan Antarabangsa Mengenai Penyalahgunaan Dadah dua tahun yang lalu. Walaupun negara kita telah menerima banyak desakan daripada kumpulan-kumpulan tertentu untuk menghapuskan hukuman mati ke atas pengedar-pengedar dadah, tetapi ramai pemimpin dunia secara peribadi bersetuju dengan tindakan tegas Malaysia. Sebenarnya masalah dadah sudah merebak di beberapa negara yang tidak tegas sehingga tidak dapat dikawal. Justeru itu Kerajaan akan meneruskan undang-undang yang sedia ada.

10. Malaysia juga telah dipilih menduduki kerusi Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu. Dengan itu Malaysia telah dan akan dapat memainkan peranannya dengan lebih berkesan dalam arena antarabangsa. Malaysia telah diberi penghormatan menghantar pasukan pemerhati dan pengaman ke tiga buah negara yang diseliakan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu Iran, Iraq dan Namibia. Malaysia juga telah dipilih mempengerusikan Kumpulan 77 negara-negara membangun.

11. Dalam bulan Oktober tahun ini negara kita akan diberi penghormatan menjadi tuan rumah untuk Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel atau CHOGM. Insya-Allah, kita akan menunaikan kewajipan kita dengan penuh keyakinan dan dedikasi. Dua bulan sebelum itu, Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada Sukan SEA yang ke-15.

12. Rakyat negara ini berasa bertuah kerana Ke Bawah Duli Tuanku mempunyai minat yang tinggi dalam bidang sukan dan patek percaya kecergasan Tuanku itu akan menjadi dorongan serta galakan kepada kemajuan sukan di negara ini.

Ampun Tuanku,

13. Patek, bersama-sama dengan anggota Pentadbiran serta kakitangan Kerajaan, akan terus menumpukan usaha dan tenaga untuk menyempurnakan tugas dan tanggungjawab patek sekaligus dengan penuh semangat dan tekad bagi menjamin kemakmuran, keselamatan dan kebahagiaan rakyat dan negara Malaysia, insya-Allah.

14. Pada hari yang berbahagia dan penuh istiadat ini, bagi pihak diri patek, Kerajaan dan seluruh rakyat, patek dengan segala hormat dan takzimnya mohon menyembah ikrar taat-setia yang tidak berbelah bahagi kepada Ke Bawah Duli

Yang Maha Mulia Tuanku sebagai Raja Yang Memerintah.

Ampun Tuanku, sembah patek harap diampun.